

SUKAN

31/10/2025 / DR FAZLY AMRI MOHD



Arau, 3 Oktober 2025 – Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis telah berjaya menganjurkan Program Fly High Fun Run 2.0 2025 yang berlangsung dengan meriah di Padang Kawad UiTM Cawangan Perlis bermula jam 7.30 pagi.

Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YBrs. Wan Mohd Yaseer Mohd Abdoh, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perlis, yang hadir mewakili YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Nizan Mat Noor, Rektor UiTM Cawangan Perlis. Dalam ucapan beliau, YBrs. Wan Mohd Yaseer menzahirkan penghargaan kepada pihak sekolah serta warga UiTM atas kerjasama erat yang diberikan dalam menjayakan penganjuran program tersebut.



Edisi kedua program ini telah menarik penyertaan lebih 800 orang peserta terdiri daripada pelajar, guru, warga universiti serta komuniti setempat. Suasana ceria dan penuh semangat jelas terpancar apabila para peserta menamatkan larian yang bukan sahaja menguji kecekapan fizikal, malah turut memperkukuh nilai disiplin, kesabaran dan semangat berpasukan.

Secara keseluruhannya, Program Fly High Fun Run 2.0 2025 telah mencapai objektif penganjurannya iaitu untuk memupuk budaya hidup sihat, meningkatkan semangat kesukanan, serta mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak sekolah, warga UiTM dan masyarakat sekitar.

Sebagai penutup, pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja, peserta dan sukarelawan yang telah menjayakan program ini. Diharapkan penganjuran seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkukuh jaringan kerjasama antara institusi pendidikan dan komuniti setempat serta melahirkan generasi yang aktif, sihat dan berdaya saing.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah](#), [UiTM Cawangan Perlis](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

◀ [UiTM and NIDA Successfully Host International Conference on Public Policy and Social Sciences \(ICoPS 2025\)](#)

[UiTM Perlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah \(IBR\) Mantapkan Budaya Integriti Bersama SPRM](#) ▶

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

